

PELITA



BRUNEI

Tahun 2. No. 19

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

15 November, 1957.

MASJID BAHARU NEGRI BRUNEI



Satu pemandangan yang indah Masjid baharu yang hampir siap dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Brunei dibawah Rancangan Perkembangan Lima Tahun di Ibu kota Negeri ini.

PERSATUAN PEGAWAI2 KONTREK KERAJA'AN DI-LAHIRKAN DI-BRUNEI

Telah di-langsungkan baharu2 ini satu Mashuarat Agung Persatuan Pegawai2 Kontrek Kerajaan yang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei dan perhubungan telah pun di-buat untuk pendaftaran persatuan ini. Dalam mashuarat ini juga Rang Undang2 Persatuan tersebut telah di-sahkan.

Dalam mashuarat ini, Doktor W.N. Scott, Penasehat Pertanian Negeri Brunei telah di-lantek menjadi Yang di-Pertua Persatuan ini. Pegawai2 yang lain ia-lah Mr G.C.G. Prindable sebagai Setia Usaha, Mr W.P.E. Crosby-Emercy sebagai Penyimpan Wang dan Captain E.H. Muton, Mr M.B. Douglas, Mr Lim Som Chuan, Mr M.J. Caldwell sebagai Jawatan Kuasa Persatuan tersebut.

Persatuan ini terbuka kepada sesiapa jua yang bekerja kepada Kerajaan Brunei dengan sechara kontrek, dan yang telah memasoki dasar kontrek tidak kurang dari 12 bulan. Mereka yang ingin memasoki persatuan ini hendak-lah berpendapatan tidak kurang dari \$750/- sa-bulan.

!!

BILEK BACHA'AN DI-BUKA DI-TEMBURONG

Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei telah membuka satu bilek bacha'an untuk orang ramai di-Bangar, Temburong pada hari Thalatha 29 hbl. October, 1957.


Dengan ada-nya bilek bacha'an ini maka dapat-lah nanti penduduk2 di-tempat tersebut mengambil peluang menggunakan bilek ini tempat membacha surat2 akhbar atau buku2 Mujallah yang terdapat di-sana.

Bilek ini di-buka untuk orang ramai pada tiap2 hari, kechuali pada hari kelapasan awam, hari Ahad dan Jumma'at, mulai dari pukul 2.00 petang hingga pukul 8.00 malam.

!!

RECORD CROSS COUNTRY YANG BAHARU


Edward Chia, sa-orang penuntut dari Sekolah Pertukangan, Seria telah berjaya memecahkan record Yusuf Hamid dalam perlombaan Cross Country yang telah di-adakan di-Bandar Brunei baharu2 ini. Edward Chia telah hanya dapat menghabiskan pelarian-nya dalam masa



Pemandangan Istana Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di Panaga, Seria yang hampir siap dibinakan.

Gambar atas ialah satu pemandangan Istana itu dari jalan raya.

Gambar bawah ialah pemandangan dari arah pantai.



- sambongan dari muka 2 -

23 minit 5.6 sa'at menakala record tahun lepas yang di-peroleh oleh Yusuf Hamid 24 minit 48 sa'at.

Yusuf Hamid, dari Brunei Town Athletic Club, pada tahun ini menyandang gelaran Naib Johan dan di-ikuti oleh Joseph Chin dari SOAS College, Harun dari Pusat Latehan Guru2 Melayu, Brunei, Apong Laman dari Brunei Town Athletic Club dan Kong Onn dari SOAS College. Peserta yang lain2 itu tidak di-ambil record-nya.

Di-kira dari pasokan2, SOAS College telah menyandang lagi gelaran Johan pada tahun ini. Maka dengan kemenangan ini SOAS College telah tiga kali berturut2 memenangi perlomba'an tersebut, dan hadiah Perisan dari Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan terpulang lagi kepada SOAS College. Naib Johan ia-lah Brunei Town Athletic Club, di-ikuti oleh Sekolah Pertukangan, Seria dan Club Melayu Seria.

Hadiah2 telah sampaikan oleh Mr Ong Kim Kee, President Brunei Amateur Athletic Assiciation di-SOAS College pada hari itu juga.

!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!

PEPEREKSA'AN DARJAH2 PETANG DI-BRUNEI DAN DI-BELAIT

Di-ma'lumkan kepada orang2 yang mengambil bahagian dalam Darjah2 Petang, baik di-Brunei, di-Kuala Belait, maupun di-Seria, ia-itu pepereksa'an dalam Bahasa Inggeris akan di-adakan mengikut sebagaimana yang telah di-tetapkan di-bawah. Pepereksa'an tersebut akan bertempat di-SOAS College, Brunei dan di-Sekolah Inggeris Kerajaan, Seria (untuk pelajar2 dari Seria dan Kuala Belait), di-mulai pada pukul 4.30 petang.

Bayaran untuk memasoki pepereksa'an tersebut ia-lah \$2.00, dan orang2 yang hanya boleh memasoki pepereksa'an ini ia-lah penuntut2 yang terdaftar.

Pada 18 hbl. November untuk Primary II, 19 hbl. November untuk Primary IV, 20 hbl. November untuk Primary VI, dan untuk Form I dan II pada 21 hbl. November.

Di-ma'lumkan selanjut-nya ia-itu surat Keliling yang telah di-keluarkan oleh Pejabat Pelajaran No. ED. 16/1957 tidak di-pakai.

!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!

BAHAYA BERMAIN LAYANG2

DI-NASEHATKAN JANGAN-LAH BERMAIN LAYANG2 DEKAT TIANG2 RADIO BRUNEI

- -oOo- -

-HARGA2 BAHARU

'BRITISH POSTAL ORDERS'

Mulai daripada
1 hbl. October, 1957
harga2 British Postal
Orders dari 6 pence
hingga 20 shilling
telah di-tetapkan sa-
perti berikut:

Harga B.P.O.
(Wang Inggeris)

sh.	d
-	6
1	-
1	6
2	-
3	-
4	-
5	-
10	-
20	-

Ibu bapa dan penjaga kanak2 ada-lah
di-ma'lumkan supaya menasehatkan anak2
mereka jangan bermain layang2 dekat dengan
tiang2 dan dawai2 elektrik yang berdekatan
dengan Radio Brunei. Tiang2 dan dawai2 ini
ada-lah sangat2 merbahya.

Kemalangan harus akan berlaku ter-
utama-nya kalau benang2 yang di-gunakan
pada layang2 itu basah mengenai tiang2
dan dawai2 tersebut.

Jualan
(Wang Malaya)

\$	¢
-	.33
-	.55
-	.79
1	.01
1	.44
1	.86
2	.29
4	.45
8	.79

!!

ORANG2 YANG HENDAK NAIK HAJI

TAHUN HADAPAN DI-MINTA MENDAFTARKAN NAMA-NYA SEKARANG

Di-ma'lumkan untok pengetahuan orang ramai yang berUgama
Islam ia-itu sa-siapa yang hendak pergi menunaikan fardzu Haji pada
tahun hadapan (1958) di-minta supaya mendaftarkan nama2 mereka ja-
ngan lewat dari 1 hbl. December, 1957 ini di-Pejabat Adat Istia-
dat Negeri, Ugama dan Kebajikan Musharakat, Brunei.

Ini ada-lah untok pengetahuan Pegawai Haji di-Malaya bagi
mengetahui berapa banyak orang2 yang akan pergi Haji pada tahun
1958, dan juga untok menyenangkan Sharikat Kapal yang akan membawa
orang2 Haji bagi membuat jadual2 pelayaran kapal2 Haji.

Burang2 permohonan untok
menunaikan fardzu Haji boleh-
lah minta dari Pejabat Adat

Istiadat Negeri, Ugama dan Kebaji-
kan Musharakat, Brunei.

!!

TAYANGAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN

Di-bawah ini ia-lah Jadual Waktu Tayangan Wayang Gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei mulai dari 16 hbl. November hingga 30 hbl. November, 1957 ini:-

Pada malam 16 hbl. November - di-belakang Pejabat2 Kerajaan B'nei; 18 hbl. November - di-Sekolah Melayu Senaut; 19 hbl. November - di-Kampung Pandai Besi (bertempat di-rumah Inche' Mohd. Yusuf bin Taha); 20 hbl. November - di-Sekolah Melayu Berakas; 21 hbl. November - di-Sekolah Melayu OKSB Kilanas; 23 hbl. November - di-Sekolah Melayu Sungai Hanching; 25 hbl. November - Kampung Sabah Ujong (bertempat di-rumah Pengeran Daud bin Pengeran Ahmad); 26 hbl. November - di-Sekolah Melayu SOAS Muara; 27 hbl. November - di-Sekolah Melayu Kupang; 28 hbl. November - di-Sekolah Melayu Sengkurong; dan pada 30 hbl. November - di-kawasan Penjara Jerudong.

-bersambong di-muka 7-

pula beliau telah berangkat ka-Miri, Sarawak.

Beliau itu akan balek sa-kali lagi ka-Kuala Belait pada Hari Ahad 17 hbl. November dan dari sana nanti beliau akan berangkat ka-Kuching melalui Labuan pada Hari Ithnin 18 hbl. November, 1957 dengan memakai kapal terbang.

.....

X SULTAN BRUNEI

KEMBALI SALEPAS BERADA DI-ENGLAND DAN DI-BENUA EROPAH

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Rombongan telah dengan selamat-nya tiba di-Lapangan Kapal Terbang, Brunei pada 13 hbl. November yang lalu kira2 jam 12.35 tengah hari dengan Kapal Terbang Malayan Airways dari Singapura salepas berada di-England dan di-Benua Eropah selama 2..bulan sa-tengah.

Satiba-nya di-Lapangan Kapal Terbang, Baginda telah di-temui oleh wakil2 Baginda, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Bendahara dan Yang Berhormat Mulia

Tuan Kadzi Besar Negeri Brunei, serta Pegawai2 Kerajaan yang terkanan. Yang Berhormat Tuan British Resident dan Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei juga telah menjumpai Baginda.

Sasudah berchakap2 sabentar, maka Baginda pun memeriksa satu barisan kehormatan yang terdiri dari Pasokan Police Negeri Brunei di bawah pimpinan O.C.P.D. Brunei, A. S.P. Pengeran Jaya.

Satelah itu Bagindapun terus masuk ka-Bangunan Kapal Terbang dan telah di-temui oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei dan Ketua2 Pejabat Kerajaan dari berbagai2

- bersambong di-muka 7 -

- LAWATAN PESUROH JAYA

TINGGI KA-BRUNEI -

Pesuroh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei yang juga menjadi Pegawai Pen-tadberan Kerajaan Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama J.H. Ellis telah tiba di-Brunei dari Kuching pada Hari Thalatha 12 hbl. November yang lalu dalam satu lawatan-nya yang resmi.

Pada 14 hbl. November, Tuan Yang Terutama itu telah berangkat ka-Seria dan Kuala Belait, dan pada esok hari-nya

- sambongan dari muka 6 -

bangsa.

Sabelum berangkat ka-Bandar Brunei, Baginda telah masok berehat ka-dalam Bilek Tetamu Khas di-Bangunan itu sejurus, dan setelah itu Bagindapun berangkat ka-Bandar Brunei dengan menaiki kaendra'an Baginda yang terkhas. Sepanjang jalan kelehatan ber-doyon2 kira2 100 buah kereta2 yang lain kepunya'an Pegawai2 Kerajaan mengikuti mengiringkan dari belakang. Dua orang Traffic Police telah mengapalakan pada sepanjang perjalanan itu dengan memakai motor cycle.

Di-Bandar Brunei pula dari sepanjang jalan mulai dari Lapau hingga ka-kedai2 kedua2 belah jalan raya itu penoh sesak dengan ra'yat2 jelata Brunei termasuk Pegawai2 Kerajaan dan Orang2 ramai mengalu2kan akan ketiba'an Baginda, dengan perasa'an penoh gembira dan keta'atan. Tidak ketinggalan Pasokan Guru2 Melayu bahagian lelaki dan perempuan dan budak2 sekolah juga ikut serta meraikan bersama berbaris menunggu ketiba'an Maulana Al-Sultan dan Rombongan-nya yang di-adakan sechara besar2an pada hari itu. Gerbang2 yang menyeberangi jalan2 raya telah pun di-dirikan atas perbelanja'an kaum2 Melayu, China dan juga Kerajaan sendiri.

Baginda berhenti sakejap di-hadapan Bangunan Pejabat2 Kerajaan kerana ikut serta meni'mati bacha'an do'a Selamat yang telah di-bachakan oleh Pehin Khatib Haji Metali.

Letopan meriam telahpun di-tembakkan 21 das satiba-nya Baginda di-hadapan Lapau.

Pada sepanjang hari ketiba'an Baginda itu seluruh ra'yat dan penduduk Brunei menaikkan bendera mereka masing2 dan bangunan2, serta di-kapal2 di-hiasi dengan chantek2. Pada malam hari-nya pula tiap2 rumah di-kampung2 telah memasang api chuchul. Di-kedai2 dan di-bangunan2 Kerajaan juga telah di-hiasi dengan lampu: elektrek dan chuchul, penoh dengan aneka ragam.

Malam ini satu Jamuan teh akan di-adakan oleh Jawatan Kuasa Sambutan Ketiba'an Baginda itu kerana memberi selamat kembali kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Rombongan dari lawatan mereka di-England dan di-Eropah.

.....

- sambongan dari muka 6 -

Tiap2 tayangan wayang tersebut akan bermula pada pukul 7.00 petang.

- -o- -o- -

RADIO BANTUAN KERAJA'AN


Kerajaan Brunei maseh lagi membuka peluang bagi orang2 yang tidak mampu membeli peti radio bersendirian

an dengan jalan membuat perhobongan dengan Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei yang bertempat di-Pekan Brunei dan di-Kuala Belait.

Peti2 radio ini berupa dua jenis, satu yang menggunakan kuasa elektrek dan yang satu lagi menggunakan kuasa battery kering.

.....

-----0000000-----



Kerajaan Brunei sedang membuka peluang kepada para penduduk Negri ini untuk membeli Peti2 Radio dengan sechara bayaran bulanan beransor2 selama setahun.

Segala permintaan hendaklah dialamatkan kepada Pegawai Penerangan Negri di Bandar Brunei dengan segera kerana sahingga ke masa ini, banyakkah orang dari seluruh Negri ini telah menohonkan permintaan hendak membeli peti2 radio itu.

Orang2 yang hendak membeli peti2 radio itu, adalah diingatkan bahawa cuma sebuah sahaja peti radio akan dapat digunakan oleh tiap-tiap buah rumah dengan syarat, orang2 atau pun keluarga2 yang sudah mempunya'i peti2 radio dirumah mereka, tidaklah akan mendapat layanan berkenaan dengan perkara ini.

Gambar atas ialah Peti Radio Sierra yang menggunakan battery kering dan lagi satu jenis yang menggunakan kuasa elektrik. Harga-nya ialah \$50.00 dan bayaran bulanan sebanyak \$3.50.

Gambar bawah ialah Peti Radio Millard. Peti radio ini menggunakan battery kering dan juga yang menggunakan kuasa elektrik. Jenis yang menggunakan battery kering, harga-nya ialah \$45.00 dan bayaran bulanan sebanyak \$4.00. Satu lagi jenis peti radio ini yang menggunakan battery kering atau kuasa elektrik harga-nya \$55.00 dan bayaran bulanan sebanyak \$4.50 sen. Orang2 yang membeli peti2 radio yang menggunakan battery kering akan diberikan dengan perchuma satu battery kering pada tiap-tiap peti radio yang mereka membeli.

